



**PERSATUAN PENDUDUK JALAN PUTRA PRIMA 2
TAMAN PUTRA PRIMA PUCHONG SELANGOR**
(0008-12-SEL)

Our ref: JPP2/polis/001
28/8/2013

KETUA POLIS DAERAH

Ibu pejabat Polis Daerah Sepang
Polis Diraja Malaysia
43900 Sepang, Selangor

BP: **Supt Imran Bin Abd Rahman**

Tuan

PETISYEN PENDUDUK TAMAN PUTRA PRIMA FASA 8A :

MEMINTA KERJASAMA DENGAN PIHAK IPD DAERAH SEPANG UNTUK MENGAWAL DAN MENCEGAH KES JENAYAH RAGUT YANG BERLARUTAN DI KAWASAN PERUMAHAN TAMAN PUTRA PRIMA DAN TAMAN MAS, DAERAH SEPANG

Untuk makluman tuan, menurut pengetahuan kami, Kes jenayah pecah rumah, curian motorsikal dan ragut sudah berlarutan dan mengancam keselamatan harta-benda dan jiwa kepada penduduk di kawasan Taman Putra Prima dan Taman Mas.

Walaupun penduduk di fasa 8A telah pun menubuhkan persatuan penduduk dan mempunyai kawalan keselamatan ketat tersendiri dengan pagar pekeliling, pintu gate palang bermotor kad access, 2 orang pegawai keselamatan beroperasi 24 jam sehari, kelengkapan CCTV. Tetapi Kes ragut kerap berlaku di luar kawasan kawalan keselamatan kami. Seperti di sepanjang jalan Putra Prima Utara, Kawasan terbuka Jalan Industri Taman Mas dan Kawasan Kedai Taman Putra Prima.

Baru baru ini satu kes ragut terjadi tidak jauh dari pondok keselamatan kami yang membabitkan isteri kepada salah seorang pegawai keselamatan, dia di ragut/rompat dengan kehilangan wang sebanyak RM900. Dan satu lagi kes yang membabitkan isteri kepada Presiden Gabungan Persatuan Penduduk Taman Putra Prima / merangkap Pengerusi Persatuan Penduduk JPP2 atau Fasa 8A, tempat kejadian di depan kilangnya sendiri di Taman Mas, yang mengakibatkan isterinya tercedera dan wang dokumen penting di larikan oleh 2 orang penjenayah bermotorsikal.

Dengan hasrat teguh untuk mencegah jenayah, kami rela bekerjasama dengan polis, bersama ini kami sertakan lampiran senarai tandatangan petisyen penduduk Taman Putra Prima Fasa 8A, Laporan Polis, Gambar /Video CCTV Kejadian tersebut. Akhirnya demi kesejahteraan penduduk Taman Putra Prima/Taman Mas, kami berharap pihak tuan lebih memandangkan berat kawasan ini, dan mengadakan rondaan polis yang lebih kerap dan rapi.

Sekian terima kasih atas permerhatian pihak IPD Sepang.

Persatuan Penduduk JPP2

.....
Kong Kok Meng
Chairman